

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN MEDAN SENI PUSPA
DI PADANG PAHLAWAN, MELAKA
PADA HARI AHAD, 16HB. FEBRUARI, 1986
PUKUL 9.00 PAGI

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan negeri Melaka khasnya BISTARI kerana menjemput saya untuk merasmikan Medan Seni Puspa ini. Saya difahamkan bahawa Medan Seni Puspa ini adalah tempat pameran dan pertandingan bunga yang akan diadakan dari semasa ke semasa. Saya mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha untuk mengadakan Medan Seni Puspa ini.

2. Saya diberitahu bahawa aktiviti pameran dan pertandingan bunga di Medan Seni Puspa ini adalah bertujuan di antara lain untuk menggalakkan rakyat menanam bunga sebagai satu usaha memperindahkan suasana alam sekitar. Ia juga adalah untuk memperkenalkan bunga-bunga tempatan kepada pelancong-pelancong. Di samping itu, pameran dan pertandingan bunga akan dapat mencungkil bakat seni mengubah bunga di kalangan orang ramai serta menanamkan perasaan cintakan kepada keindahan dan kebersihan.

3. Pada hemat saya, usaha-usaha seumpama ini adalah selaras dengan usaha-usaha kita untuk memperindah dan mencantikkan lagi kawawan-kawasan bandar dan perumahan. Sepertimana kita sedia maklum, di beberapa buah bandar usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk menanam pokok-pokok dan bunga-bunga supaya dapat mengindahkan lagi bandar-bandar kita. Bandar-bandar yang indah dan bersih bererti kehidupan yang lebih sempurna dan lebih selesa.

4. Di samping itu juga, dengan adanya keindahan dan kebersihan, kita akan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara kita. Mereka ini pula akan membawa balik kenangan-kenangan manis serta menceritakan tentang keindahan negara kita. Dengan cara ini mungkin lebih ramai lagi para pelancong dari luar negeri akan mengunjungi negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Usaha-usaha untuk memperindah dan mencantikkan bandar-bandar serta alam sekeliling kita ini tidaklah seharusnya diletakkan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab sahaja. Setiap orang mempunyai peranan masing-masing. Kita tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab kita ini. Kita semua mestilah bekerjasama untuk menentukan bahawa hasrat kita ini dapat dicapai dengan berkesan demi kebaikan bersama.

6. Saya berharap Medan Seni Puspa ini akan mencapai objektifnya. Saya percaya orang ramai akan menggunakan Medan ini dengan sebaik-baiknya supaya ia akan mendatangkan faedah kepada pengguna-penggunanya. Kita hendaklah menjaga supaya Medan Seni Puspa ini sentiasa bersih, cantik dan terpelihara.

7. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan negeri, khususnya BISTARI kerana

memberi penghormatan kepada saya di Majlis hari ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Medan Seni Puspa ini.

Terima kasih.
